

21.3.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN:
PBAPP HENTIKAN SEMENTARA PEMBACAAN METER
DAN TUTUP PUSAT KHIDMAT PELANGGAN DARIPADA
23.3.2020 TO 31.3.2020**

- **Pengguna-pengguna air disaran membuat bayaran bil air secara *online*.**

PULAU PINANG, Sabtu, 21.3.2020: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menghentikan sementara operasi pembacaan meter dan menutup 9 pusat khidmat pelanggannya di Pulau Pinang, dalam tempoh 23.3.2020 hingga 31.3.2020.

Inisiatif ini sejajar dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia untuk memastikan penjarakan sosial yang berkesan dalam usaha memerangi COVID-19.

Jadual berikut meringkaskan skop perkhidmatan bekalan air utama PBAPP di Pulau Pinang, dari Isnin (23.3.2020):

Perkhidmatan		Status 23.3.2020 hingga 31.3.2020
1	Pembacaan meter	Dihentikan
2	Pemotongan bekalan air	Dihentikan
3	Kutipan bil bersemuka dan perkhidmatan di 9 pusat khidmat pelanggan PBAPP	Dihentikan di Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP
4	Penyambungan semula bekalan air	Beroperasi sepenuhnya ketika waktu bekerja
5	Kerja pembaikan paip	Beroperasi sepenuhnya ketika waktu bekerja
6	Abstraksi air mentah	Beroperasi sepenuhnya, 24/7
7	Rawatan air	Beroperasi sepenuhnya, 24/7
8	Pengagihan air kepada 631,250	Beroperasi sepenuhnya, 24/7

	pengguna air di Pulau Pinang	
9	Pusat Panggilan 24-Jam	Beroperasi sepenuhnya, 24/7

Seperti di dalam jadual, PBAPP akan menumpukan kepada tanggungjawab kritikal untuk membekalkan air kepada semua pengguna air berdaftar Pulau Pinang sepanjang tempoh PKP.

Walau bagaimanapun, kami mengambil keputusan bahawa beberapa perkhidmatan tidak kritikal akan dihentikan sementara bagi membendung pergerakan orang ramai dan meminimumkan risiko kesihatan awam ketika PKP.

ANGGARAN BIL AIR

Pada masa ini, PBAPP akan mengeluarkan bil air berdasarkan anggaran yang diperolehi daripada penggunaan bulan sebelumnya.

PILIHAN PEMBAYARAN BIL

Pengguna air boleh membayar bil air mereka secara *online* melalui saluran berikut:

- Aplikasi “myPBA”, boleh dimuat turun dari *Apple App Store* dan *Google Play Store*.
- JOMPAY (kod bil: 50385).
- Bayaran tunai melalui Pos Malaysia, kiosk *Paylink*, ATM dan agensi kutipan bil yang dibenarkan, seperti Happy Mart.

Untuk meminimumkan risiko kesihatan, kami menyarankan pengguna air menggunakan aplikasi myPBA atau JOMPAY untuk membuat pembayaran secara online dari rumah mereka dengan selamat.

PEMOTONGAN AIR DIHENTI SEMENTARA

Dalam tempoh 23.3.2020 hingga 31.3.2020, PBAPP tidak akan memotong bekalan air kepada mana-mana pengguna air berdaftar di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pengguna air dinasihatkan untuk membayar bil air mereka tepat pada masa, untuk mengelakkan komplikasi dan salah faham selepas tempoh PKP.

PROSES PERMOHONAN BEKALAN AIR BAHARU DIHENTIKAN SEMENTARA

Permohonan bekalan air baharu tidak akan diproses dalam tempoh PKP kerana tanggungjawab utama PBAPP kini adalah untuk mengekalkan perkhidmatan bekalan air berterusan untuk 631,250 pengguna air berdaftar.

PERTANYAAN BIL, NASIHAT DAN SOKONGAN

Pengguna air di Pulau Pinang boleh menghubungi Pusat Panggilan 24 jam PBAPP (no tel: 04 255 8 255) untuk pertanyaan, nasihat dan sokongan bil air.

Pelanggan juga boleh memeriksa status akaun air mereka secara online, melalui aplikasi myPBA atau laman web PBAPP (<https://epayment.pba.com.my>).

PBAPP melakukan yang terbaik untuk menyediakan perkhidmatan bekalan air bersih dan selamat yang berterusan di Pulau Pinang. Sila duduk di rumah dan pastikan keluarga anda selamat ketika tempoh PKP ini.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my